

Headline	Kena tunggu 83 tahun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	160 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,487



Bagi pendeposit buka semula akaun haji

# Kena tunggu 83 tahun

■ KUALA LUMPUR 7 APRIL

**P**ENDEPOSIT Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang sudah melupuskan akaun kerana terpengaruh dengan dakwah pembangkang dan membukanya semula pada minggu lalu terpaksa menunggu giliran menunaikan ibadah haji selama 83 tahun berbanding 70 tahun sebelum ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, Tabung Haji bagaimanapun tidak pernah menghalang pendeposit untuk mengeluarkan simpanan masing-masing.

Namun, katanya, mereka yang sudah diberi tempoh giliran untuk

menunaikan haji perlu meninggalkan baki RM1,300 dalam akaun masing-masing bagi mendapatkan tempoh menunggu selama 70 tahun tersebut.



ASYRAF WAJDI DUSUKI

“Ramai yang keluaran duit dan ada yang melupuskan akaun. Mereka telah terpengaruh dengan fitnah membabitkan kewangan Tabung Haji. Namun, tindakan itu akan menimbulkan kekesalan,” katanya bagi menjawab soalan tambahan **Datuk Irmohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor)** mengenai tempoh menunggu giliran haji setelah pendeposit melupuskan dan membuka semula akaun.

Tambah Asyraf Wajdi, kos menunaikan haji bagi muassasah di negara ini adalah paling murah ber-

banding negara-negara serantau.

Katanya, kos perbelanjaan setiap jemaah haji muassasah Malaysia adalah RMRM9,980 (baki ditanggung oleh Tabung Haji) manakala Indonesia (RM19,378.95), Filipina (RM15,512.10), Singapura (RM52,770), Thailand (RM29,675) dan Brunei pada kadar RM54,000.

Mengenai kuota haji Malaysia, jelas Asyraf Wajdi, berikutan hubungan akrab yang baik di antara kerajaan Malaysia dengan Arab Saudi, maka pada tahun lalu, negara ini diberi kuota tambahan sebanyak 5,000 jemaah.

“Kita sentiasa merayu kepada Arab Saudi untuk menambah bilangan kuota walaupun kuota setiap negara adalah 0.1 peratus daripada jumlah penduduk.

“Berikutan proses pembesaran kota Mekah, maka kuota Malaysia yang sepatutnya 27,900 orang, dikurangkan kepada 22,320 orang,” ujarnya.